

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**
DARIPADA : **DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN**
[KINABATANGAN]
TARIKH : **23 OKTOBER 2019 (RABU)**

SOALAN NO. 30

PR-1423-L05887

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam menyediakan rangkaian telekomunikasi di kawasan-kawasan pedalaman yang masih belum mendapat capaian talian telekomunikasi terutamanya di dalam kawasan Parlimen Kinabatangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) sentiasa berusaha menambahbaik kualiti perkhidmatan komunikasi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Kinabatangan.
2. Melalui inisiatif yang dibiayai menerusi Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejangat (PPS), peluasan Liputan Jalur Lebar Talian Tetap dan Jalur Lebar Mudah Alih yang merangkumi pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih giat dilaksanakan di seluruh negara termasuk di Parlimen Kinabatangan.
3. Di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar dan Luar Bandar yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar talian tetap dengan kelajuan sehingga 20 Megabit sesaat, sebanyak 620 ribu sambungan tersedia di seluruh negara termasuk 160 sambungan tersedia di Parlimen Kinabatangan.
4. Bagi inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih, sebanyak 2,397 menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi dengan liputan 3G/4G dan 5,128 menara sedia ada juga telah berjaya dinaiktaraf di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sebanyak 73 buah menara baharu dan 147 lokasi menara yang telah siap di naiktaraf adalah terletak di Parlimen Kinabatangan.